



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

INISIATIF PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN INDUSTRI PENJAGAAN DI MALAYSIA PEMACU PERUBAHAN EKONOMI MADANI

PUTRAJAYA, 13 Mei – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini telah melancarkan siri Makmal Pembangunan Pelan Industri Penjagaan di Malaysia yang bertujuan membangunkan Pelan Tindakan Industri Penjagaan di Malaysia dan dijangka siap pada Julai 2024.

Sebanyak lima (5) siri bengkel yang akan diadakan dengan penglibatan pelbagai kepakaran daripada Kementerian, Jabatan, Agensi, Pertubuhan Antarabangsa, Institusi Pengajian Tinggi, pihak swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta individu yang berkemahiran menggunakan pendekatan *whole of government* dan *whole of society*.

Matlamat unggul KPWKM berkaitan industri penjagaan ini adalah melahirkan penjaga kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Warga Emas yang profesional dan berkemahiran serta membangunkan piawaian yang setanding dengan piawaian negara maju dan berupaya menawarkan perkhidmatan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Pelaksanaan Industri Penjagaan adalah tindak balas tuntas daripada KPWKM terhadap pengumuman YAB Perdana Menteri semasa melancarkan Ekonomi MADANI yang jelas menggariskan bahawa salah satu pamacu perubahan atau *game changer* untuk merancakkan ekonomi adalah melalui industri penjagaan.

Bagi memastikan kejayaan Industri Penjagaan ini, KPWKM telah memberikan komitmen untuk memperkasa program latihan penjagaan kepada petugas-petugas JKM, penjaga-penjaga di pusat jagaan swasta dan di rumah melalui pakej latihan secara menyeluruh di seluruh negara.

Selain itu KPWKM akan membangunkan lebih banyak modul yang menjurus kepada penjagaan khusus kanak-kanak, warga emas, OKU berdasarkan keperluan golongan ini dan meningkatkan latihan dan persijilan Profesion Penjagaan Ibu Selepas Bersalin MamaCare.

Pada masa yang sama, KPWKM akan meneliti semula akta-akta di bawah KPWKM yang melibatkan penjagaan seperti Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan Akta Pusat Jagaan 1993 bagi memastikan syarat wajib menggaji penjaga terlatih dan piawaian jagaan yang setara dengan piawaian dunia. KPWKM mengalu-alukan kerjasama semua pihak untuk tampil dan berganding bahu dengan KPWKM bagi menjayakan inisiatif ini.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
13 MEI 2024**